

## **PLASTIK: SATU EVOLUSI, INOVASI ATAU ANCAMAN DALAM IDENTITI SENI KRAFTANGAN DI SARAWAK**

### **Faridah Sahari**

Fakulti Seni Gunaan & Kreatif, Universiti  
Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA  
Emel: [sfaridah@faca.unimas.my](mailto:sfaridah@faca.unimas.my)  
Tel: +6082 581428

### **Rahah Hj Hassan**

Fakulti Seni Gunaan & Kreatif, Universiti  
Malaysia Sarawak  
94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA  
Emel: [hrahah@faca.unimas.my](mailto:hrahah@faca.unimas.my)  
Tel: +6082 581430

### **Abstrak**

Kajian ini berkaitan dengan perubahan dalam penghasilan produk kraftangan khususnya di Sarawak yang memfokuskan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan plastik sebagai bahan alternatif dan persepsi serta kesedaran masyarakat terhadap perubahan ini. Secara umumnya, seni kraftangan Sarawak telah wujud beratus tahun yang lalu. Setiap satunya mempunyai keunikan tersendiri yang menjadi lambang kepada adat dan budaya setiap lapisan etniknya. Kehalusan hasil anyaman, ukiran dan tenunan dari negeri ini sering diangkat sebagai produk seni berkualiti tinggi. Teknik penghasilan serta motif yang diterapkan pada produk krafnya yang begitu sinonim dengan elemen-elemen semulajadi juga sering dijadikan sumber rujukan bagi pengkaji seni samada dari dalam mahupun luar negara.

Tidak dapat dinafikan, perubahan arus kemodenan sedikit sebanyak telah memberi impak kepada seni kraf di Sarawak. Ini dapat dilihat daripada penghasilan produk krafnya yang seolah-olah terarah dan menjurus kepada penggunaan material/bahan plastik sebagai sumber alternatif kepada bahan-bahan semulajadi yang lazimnya digunakan seperti buluh, kayu, beman, rotan dan sebagainya. Sesuaiakah kita mendefinisikan fenomena ini sebagai satu bentuk evolusi, inovasi atau rona-rona kemusnahan yang sedang menular dalam dunia seni kraf di Sarawak? Sejauh mana nilai-nilai keaslian seni kraf Sarawak daripada aspek penggunaan material, itu masih lagi dikekalkan? Itulah persoalan-persoalan yang menjadi titik mula dalam menjalankan kajian ini; berteraskan kepada beberapa aspek yang merangkumi; mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan ini serta persepsi dan kesedaran masyarakat tentang fenomena ini.

Menggunakan data yang dikumpul melalui kaedah kualitatif dalam bentuk fotografi dan pemerhatian terhadap produk-produk seni kraftangan. Di samping itu, kaedah temubual di sekitar Kuching, Kota Samarahan, Serian dan Betong juga akan digunakan dikategorikan kepada dua bahagian iaitu responden-responden yang terdiri daripada pakar (pembuat produk kraf) dan responden-responden yang terdiri daripada orang awam yang dipilih secara rawak bagi menyokong lagi kajian ini. Interpretasi terhadap dapatan dan maklumat kajian akan dapat menjelaskan persoalan-persoalan tentang fenomena ini dengan lebih tepat lagi berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi atau menyumbang kepada perubahan tersebut. Kajian juga mengambilkira pandangan dan reaksi masyarakat terhadap isu ini, serta pandangan serta kesedaran masyarakat mengenai isu ini. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat mengenengahkan saranan dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh setiap pihak yang berkaitan secara langsung mahupun tidak langsung dalam penghasilan produk kraf. Ini sekaligus melihat kepada pemeliharaan daripada segi keaslian reka corak seni kraf Sarawak dapat dikekalkan serta kesinambungan penerapan nilai apresiasi terhadap seni kraf dalam kalangan masyarakat dapat ditingkatkan.